

KPDNHEP lancarkan Food Bank Siswa di Politeknik Mukah

2020-02-21T00:30:02+08:00

oleh Mohamad Achil Norrlatep



TERIMALAH: Dullah (enam kanan) ketika menyerahkan cenderahati kepada salah seorang penyumbang Food Bank Siswa PMU, Tanrapijan (enam kiri) disaksikan Salihin (lima kiri) dan yang lain.

MUKAH: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Mukah telah melancarkan satu Program Food Bank Siswa di Politeknik Mukah (PMU).

Menurut Ketua Cawangan KPDNHEP Mukah Salihin Den, program berkenaan bertujuan untuk menyelamatkan makanan lebihan yang masih berkualiti dan boleh dimakan melalui sumbangan daripada pasar raya, premis-premis seperti hotel, restoran dan sebagainya.

"Program ini merupakan satu inisiatif kesinambungan daripada Program Food Bank Malaysia yang telah dilancarkan pada 22 Disember 2018," katanya ketika Majlis Pelancaran Food Bank Siswa PMU kelmarin.

Program berkenaan setelah itu katanya, telah diperluaskan sehingga ke peringkat institusi pengajian tinggi awam (IPTA).

“Program adalah untuk membantu golongan mahasiswa daripada golongan B40 supaya mereka dapat memberi tumpuan lebih baik terhadap pembelajaran.

Sebelum makanan tersebut diberikan kepada kumpulan sasar, ia perlu melalui beberapa proses terlebih dahulu.

Bagi program tersebut di PMU kali ini, pelbagai sektor seperti pasar raya, bakeri, syarikat korporat dan juga syarikat swasta telah memberikan kerjasama menjadi penyumbang.

“Kita harap program ini dapat dilaksanakan sepanjang masa bagi mencapai sasaran iaitu lebahan makanan dapat diagihkan kepada golongan sasaran, lantas dapat menjimatkan wang untuk perbelanjaan yang lain,” jelasnya lagi.

Antara objektif utama program adalah untuk menangani kos sara hidup pelajar yang kian meningkat, mengurangkan bebanan pelajar supaya mereka lebih fokus pada pembelajaran, memupuk semangat kesukarelawanan antara pelajar dan juga memberikan pendedahan kepada pelajar untuk mengurus sesbuah organisasi.

Turut hadir pada majlis pelancaran adalah Pengarah PMU Dullah Muluk, wakil daripada Namleong Department Store Mukah Peter Lau Hieng Chung dan wakil daripada Azka Cake House Mukah Tanrapijan Serakawi.